



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BOT PUKAT TUNDA DITAHAN LANGGAR SYARAT LESEN, LOKAL, HM -20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	PROSES PEMULIHAN JETI LKIM CHENDERING DALAM TINDAKAN, NASIONAL, SH -21	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	300 PESAWAH RUGI RM1.5 JUTA PADI DISERANG PENYAKIT BPB, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	300 PESAWAH KERUGIAN RM1.5 JUTA, NEGARA, KOSMO -17	
5.	INDUSTRI MAKANAN PERLU DIPERKEMBANGKAN, UTARA, HAKAH -H16	LAIN-LAIN
6.	PENTERNAK AYAM KURANGKAN STOK ELAK KERUGIAN, NASIONAL, BH -14	
7.	KEBENARAN EKSPORT AYAM DIPERTIMBANG - ANNUAR, NASIONAL, SH -4	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2022	HARIAN METRO	LOKAL	26

Bot pukat tunda ditahan langgar syarat lesen

Kota Tinggi: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua Johor menahan sebuah bot pukat tunda kelas C selepas disyaki melanggar syarat sah lesen di perairan Sedili berhampiran Tanjung Tebal di sini, kelmarin.

Komandernya, Asisten Komisioner Muhd Zailani Abdullah berkata, bot pukat tunda itu ditahan jam 3 pagi selepas dikesan menunda kurang 12 batu nautika dari pesisir pantai terbabit.

“Kami menahan lima kru termasuk tekong yang kesemua warga tempatan be-

rusia 28 hingga 56 tahun untuk siaşatan, selain turut merampas peralatan menangkap ikan dan ikan campur-campur kira-kira 1,000 kilogram.

“Barang rampasan itu diserahkan kepada Jabatan Perikanan Johor mengikut Akta Perikanan 1985,” katanya dalam kenyataan media, di sini.

Katanya, PPM Wilayah Dua akan terus meningkatkan usaha untuk melindungi sumber perikanan negara dengan memberi tumpuan kepada aktiviti pencerobohan oleh bot nelayan asing dan bot nelayan tempatan.

Proses pemulihan jeti LKIM Chendering dalam tindakan



Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.

KUALA TERENGGANU - Kerajaan kini dalam proses akhir permohonan peruntukan bagi membaik pulih jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Chendering di sini.

Pengarah LKIM Terengganu, Rosli Mustapa berkata, isu mengenai kerosakan fasiliti dan masalah muara cetek telah dipanjangkan ke peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Masalah dialami nelayan di jeti ini dalam tindakan kerajaan. Isu-isu yang berlaku dalam pengetahuan malah permohonan peruntukan bagi proses baik pulih kawasan ini sudah dikemukakan dan kini dalam perhatian Unit Perancang Ekonomi (EPU) Putrajaya di bawah peruntukan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

"Peruntukan itu meliputi pemulihan kemudahan fasiliti di darat dan membaiki kerosakan benteng pemecah ombak (*break water*)," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Jelas beliau, bagi kerja mengorek pasir untuk dalamkan kawasan pelabuhan itu pula, ia akan dilaksanakan di bawah kerajaan negeri oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Mengikut perancangan awal, pasir di kawasan *harbour basin* (kawasan bot berlabuh) itu akan dikorek untuk digunakan bagi kerja tambakan projek hakisan di Pantai Rusila, Marang.

"Kita jangka sumber utama pasir yang ada akan dapat mengoptimalkan proses tambakan sekali gus dapat mendalamkan lagi kawasan di jeti berkenaan. Namun, saiz pasir yang tidak sesuai dan tidak mengikut spesifikasi menyebabkan ia tidak boleh digunakan bagi tujuan itu dan kerajaan negeri perlu mendapatkan peruntukan lain untuk kedua-dua proses berkenaan. Keadaan itu menyebabkan proses mendalamkan kawasan ini memakan sedikit masa," katanya.

Sehubungan itu, katanya nelayan diminta bersabar dan perlu menunggu proses baik pulih kawasan itu selesai.

18/8/2022

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

300 pesawah rugi RM1.5 juta padi diserang penyakit BPB

Oleh **NUR SYAZWANA MANSOR**
 utusannews@mediamulia.com.my

YAN: Kira-kira 300 pesawah di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Wilayah 4, di daerah ini kerugian RM1.5 juta ekoran tanaman padi diserang penyakit hawar butir bakteria (BPB) pada musim tuaian kali ini.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia, Abdul Rashid Yob berkata, keluasan sawah padi yang terlibat adalah seluas 500 hektar membabitkan beberapa buah kampung.

Menurut beliau, antara kampung yang terlibat ialah Kampung Dulang Kechil, Kampung Sungai Besar, Kampung Sungai Limau, Kampung Sungai Lintang dan Kampung Sungai Udang.

Kata Abdul Rashid, penyakit BPB menyebabkan butir padi menjadi hampas atau tidak berisi yang seterusnya mengurangkan berat timbangan selepas tanaman itu dituai.

"Ini menyebabkan hasil tuaian padi pada musim ini berkurang kira-kira 50 peratus dan merupakan kejatuhan hasil yang paling teruk yang pernah dialami pesawah setakat ini.

"Purata hasil padi yang diperoleh pesawah kali ini sebanyak 1.2 tan metrik bagi keluasan 0.3 hektar, biasanya kawasan ini kawasan pengeluaran hasil ter-



ABDUL RASHID YOB (diudak kanan) bersama beberapa pesawah menunjukkan keadaan padi yang diserang penyakit BPB di Kampung Dulang Kechil, Yan. - UTUSAN/NUR SYAZWANA MANSOR

besar padi MADA, namun, kali ini jumlah hasil yang diperoleh turun mendadak.

"Hal ini menyebabkan kerugian kerana terpaksa menanggung kerugian yang tinggi," katanya ketika ditemui di Kampung Dulang Kechil, di sini, semalam.

Sementara itu, pesawah, Mohd. Rosdi Yahaya, 54, berkata, serangan penyakit itu boleh

dikategorikan sebagai bencana kerana memberikan kerugian besar kepada ramai petani selain tiada racun khusus untuk mengatasinya.

"Keadaan ini memang perit bagi kami memandangkan kos untuk mengusahakan tanaman padi seperti racun dan baja meningkat, namun, hasil yang diperolehi berkurang.

"Saya harap pihak kerajaan

dapat turun padang untuk mendengar sendiri masalah yang dihadapi pesawah dan bukan sekadar mendengar daripada agensi-agensi tertentu sahaja," ujarnya.

Seorang lagi pesawah, Harun Ahmad, 63, berkata, dia berharap kerajaan dapat membantu mereka dari segi kewangan susulan kerugian yang dialami ketika ini.

Hasil tanaman diserang penyakit hawar bulir bakteria, hasil merosot 50 peratus

300 pesawah kerugian RM1.5 juta

Oleh **NUR SYAZWANA MANSOR**

YAN - Kira-kira 300 pesawah di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Wilayah 4 daerah ini mengalami kerugian mencecah RM1.5 juta selepas tanaman padi mereka diserang penyakit hawar bulir bakteria (BPB) pada musim tuaian kali ini.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia, Abdul Rashid Yob berkata, penyakit BPB itu menyerang kawasan sawah padi seluas 500 hektar yang terletak di beberapa buah kampung.

"Antara kampung yang terlibat ialah Kampung Dulang Kechil, Kampung Dulang Besar, Kampung Sungai Limau, Kampung Sungai Lintang dan Kampung Udiang," katanya pada sidang akhbar di Kampung Dulang Kechil di sini semalam.

Katanya, penyakit itu menyebabkan biji padi menjadi hampa dan seterusnya mengurangkan berat timbangan padi

selepas tanaman itu dituai.

"Ini menyebabkan hasil tuaian padi pada musim ini berkurangan kira-kira 50 peratus dan ia merupakan kejatuhan hasil paling teruk yang pernah dialami pesawah setakat ini.

"Purata hasil padi yang diperoleh pesawah pada kali ini ialah sebanyak 1.2 metrik tan bagi keluasan 0.3 hektar sawah padi," ujarnya.

Menurutnya, kawasan Dulang kebiasaannya mengeluarkan hasil terbesar padi MADA, namun kali ini jumlah hasil yang diperoleh turun mendadak.

"Hasil kali ini menyebabkan pesawah berasa tertekan kerana terpaksa menanggung kerugian," jelasnya.

Sementara itu, pesawah, Mohd Rosdi Yahaya, 54, berkata, serangan penyakit itu boleh dikategorikan sebagai bencana kerana memberikan kerugian besar kepada ramai petani selain tiada racun khusus untuk mengatasinya.

"Keadaan ini memang perit

bagi kami memandangkan kos untuk mengusahakan tanaman padi seperti racun dan baja juga telah meningkat, namun hasil yang diperoleh sangat berkurangan.

"Saya harap pihak kerajaan dapat turun padang untuk mendengar sendiri masalah yang dihadapi para pesawah ini dan bukan sekadar mendengar daripada agensi-agensi tertentu sahaja," ujarnya.

"Seorang lagi pesawah, Harun Ahmad, 63, berkata, dia berharap pihak kerajaan dapat membantu mereka dari segi kewangan susulan kerugian yang dialami ketika ini.

"Separuh pendapatan kami telah hilang akibat wabak penyakit ini dan terpaksa bertahan selama enam bulan lagi dengan pendapatan yang sedikit untuk menyara hidup.

"Selain itu, kami juga perlu memikirkan cara untuk mendapatkan semua modal bagi menghadapi musim padi berikutnya," katanya.



ABDUL RASHID (kanan) bersama sebahagian pesawah menunjukkan keadaan padi yang diserang penyakit BPB di seldtar Yan semalam.

Industri makanan perlu diperkembangkan

Oleh **SARINA ISMAIL**

ALOR SETAR: Industri makanan khususnya pertanian perlu diperkembangkan bersesuaian sebagai satu keperluan dan sekuriti makanan.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, ketika hadir ke Pavillion Kedah sempena Pameran Pertanian, Hortikular dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 berkata, perkara tersebut sesuai dilaksanakan di Kedah mandangkan ia sebuah negeri pertanian yang mampu menghasilkan produk terbabit.

"Segala usaha kini sedang diperkembangkan untuk menjadikan perusahaan pertanian diceburi dalam memastikan dasar-dasar sekuriti makanan khususnya di Kedah dalam digubal dan



Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor

diimplementasikan.

"Malah perkara itu amat bersesuaian khususnya untuk sektor pernanaman padi, pertanian berasas makanan serta lain-lain produk,' katan-ya sepertimana dilaporkan oleh media Warta Kedah, 11 Ogos lalu.

Justeru itu ujar-nya lagi, pelbagai usaha dan inisiatif perlu diketengahkan oleh semua agensi untuk merealisasikan

hasrat berkenaan.

Sanusi juga berkata, MAHA 2022 yang diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang itu menjadi platform kepada industri pertanian memasarkan produk masing-masing.

Malah beliau turut berbangga kerana difahamkan produk dari Kedah antara yang mendapat sambutan hebat sempena program berkenaan.

Dalam masa yang sama, beliau mengharapkan proses pengeluaran produk-produk makanan Kedah, dapat dipertingkatkan dengan teknologi yang lebih moden.

"Melalui teknologi masa kini, Kedah bakal mampu muncul sebagai sebuah negeri sekuriti makanan agar dapat membekalkan keperluan makanan kepada negara," tambah beliau lagi.

Penternak ayam kurangkan stok elak kerugian

Johor Bahru: Penternak ayam mula mengurangkan stok di ladang kerana bekalan ayam segar kini berlebihan hampir 20 peratus di pasaran tempatan.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, berkata pengurangan jumlah ayam di ladang dilakukan hampir di semua 91 ladang dan reban di negeri itu bagi mengelakkan penternak kerugian.

Katanya, sebelum ini, penter-

nak meningkatkan bilangan ternakan ayam selepas diberikan maklumat kerajaan akan menarik semula larangan pengeksportan ayam segar, akhir bulan lalu.

"Bulan lalu, penternak mula meningkatkan ternakan dengan harapan dapat dieksport ke pasaran luar, terutama Singapura. Namun, Maklumat awal kononnya larangan eksport ayam akan berakhir 31 Julai lalu ternyata tidak benar.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Eihwal Pengguna (KPDNHEP) membuat kenyataan, sekatan itu masih terus berjalan sehingga kini menyebabkan berlaku lebih bekalan ayam segar di pasaran.

Harga jatuh menjunam

"Keadaan ini juga menyebabkan harga dari ladang jatuh menjunam kepada RM4.40 sekilogram (kg), berbanding harga siling ladang ditetapkan kerajaan iaitu

RM6.40 kg.

"Bagi mengelakkan lebih banyak kerugian, penternak mengambil keputusan untuk mengurangkan ternakan ayam di ladang bagi memastikan ia tidak berlebihan di pasaran," katanya.

Sebelum ini, penternak serta pemilik syarikat pembekalan ayam melahirkkan kebimbangan berikutan kekurangan maklum balas dan percanggahan maklumat daripada kerajaan, terhadap tarikh larangan eksport ayam se-

gar ditarik semula.

Dalam pada itu, Ka Leng berkata, pembekal luar terutama dari Singapura juga sudah bersedia membuat pesanan ayam segar berdasarkan maklumat awal untuk menarik balik larangan eksport ayam.

"Pembekal Singapura sebelum ini memesan 120,000 ekor ayam segar sehari yang dibekalkan 91 ladang ternakan di negeri ini, jumlah purata sebulan mencecah 3.6 juta ekor ayam," katanya.

Kebenaran eksport ayam dipertimbang - Annuar

PUTRAJAYA - Kebenaran meng-eksport ayam akan dipertimbang selepas bekalan dalam negara untuk rakyat tidak terjejas bagi memastikan harga bahan mentah itu dapat dikawal, kata Pengerusi Pasukan Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata pada masa sama, isu membabitkan pemberian subsidi kepada penternak bagi membolehkan ayam standard dijual pada harga siling runcit RM9.40 sekilogram di Semenanjung Malaysia juga perlu diperhalusi.

"Jadi isunya kita tidak boleh tangani hanya soal eksport, kita mana subsidi juga soal selama mana subsidi itu nak dikekalkan.

"Kalau kita tiba-tiba terus membenarkan eksport dan pada masa yang sama ditamatkan subsidi maka harga ayam akan

melambung sekali lagi," katanya dalam sidang media di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid bahawa kabinet akan memuktamad keputusan pada Rabu sama ada membenarkan semula penternak mengeksport ayam atau sebaliknya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia itu berkata, kabinet ada membincangkan isu kebenaran mengeksport ayam dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengemukakan beberapa



ANNUAR

syor.

Beliau berkata, keperluan ayam dalam negara adalah sebanyak 70 juta ekor sebulan atau kira-kira 2.2 juta ekor sehari dan walaupun dikatakan bekalan melebihi keperluan ketika ini iaitu kira-kira 3.5 juta ekor namun kerajaan hanya akan membenarkan eksport jika ia tidak menjejaskan keperluan domestik.

"Demi untuk menjaga kepentingan rakyat kerana ayam sudah boleh dianggap sebagai satu keperluan asas bagi semua keluarga, kerajaan akan hanya buat keputusan selepas semua perkara diteliti dan satu kaedah akan diperkenal kalau sekiranya

nanti ayam hendak dieksport.

"Jadi jawatankuasa jihad akan lihat perkara ini dan nanti nya bila dah ada satu pendekatan, barulah mungkin Kementerian, Pertanian dan Industri Makanan boleh membawa semula kepada jemaah menteri untuk diputuskan," katanya.

Annuar juga berkata, Pasukan Jihad Tangani Inflasi telah mengarahkan Jabatan Perangkaan untuk membuat kajian bagi menetapkan kos sebenar ayam di peringkat ladang.

Beliau berkata, kaedah itu sama seperti yang dilakukan untuk menetapkan harga siling minyak masak tulen kemas botol dan kerajaan telah mengambil kira harga komoditi sawit dari pelbagai sudut sebelum menetapkan harga munasabah yang perlu dibayar oleh rakyat.

Bernama